

## SINOPSIS

Dalam tulisan ilmiah ini tujuan penulis ialah terhadap penglibatan wanita dalam pendidikan peranan-lainnya sebagai kerani yang bekerja di luar rumah dan sebagai suri rumahtangga. Kajian dijalankan dengan cara bandingan antara wanita yang sudah kahwin dengan wanita yang belum kahwin. Bab I diuraikan secara ringkas mengenai tujuan dan bidang kajian, method kajian dan masalah kajian ini.

Bab II membincangkan tentang teori-teori yang dikemukakan oleh ~~beberapa orang penulis-penulis yang terdahulu dan juga~~ beberapa orang penulis-penulis yang terdahulu dan juga beberapa konsep mengenai peranan dan sikap wanita dalam pekerjaan di zaman yang serba maju ini.

Bab III pula membincangkan tentang bio-data responden iaitu menentukan soal-soal latar belakang responden seperti umur, saiz keluarga, jumlah anak yang diingini, bilangan adik beradik responden dan tempat asal responden. Kemudian dilihat pula taraf pencapaian pelajaran responden. Sebab-sebab berhenti sekolah dan pelajaran tambahan yang diperolehi oleh responden. Selain daripada itu juga disentuh mengenai latar belakang keluarga responden sama ada mereka datang dari keluarga kaya atau sederhana dan miskin serta mereka daripada keluarga besar atau kecil. Di sini diuraikan tentang umur dan pekerjaan ibu bapa responden yang sudah kahwin dan belum kahwin. Diakhir bab ini dibincangkan mengenai wanita dan pekerjaan,

yang mengemukakan sebab-sebab wanita bekerja, adakah kerana ekonomi ataupun sosial. Dibincangkan juga mengenai pendapatan responden dan pendapatan suami responden bagi yang sudah kahwin. Faktor-faktor ini mempengaruhi wanita bekerja "sebab gaji" dan menukarkan gelitah semulajadi mereka.

Bab IV membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan keadaan ekonomi dan sosial responden. Faktor-faktor ini meliputi pendapatan yang dibandingkan dengan lebih ramai lagi, tentang perbelanjaan dan tabungan yang semuanya terdapat dalam faktor ekonomi. Sementara faktor sosial pula meliputi perkara-perkara yang berkait dengan hubungan responden dengan ketua pejabat, kawan sekerja dan disiplin semasa bekerja. Selain daripada itu dinyatakan juga tentang kemudahan yang diterima oleh responden dari majikan mereka. Di akhir bab ini disentuh pula mengenai masalah pembantu rumah yang dihadapi oleh responden dan berkaitan dengan penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan.

Bab V merupakan kesimpulan atau rumusan daripada apa yang diuraikan dan apa yang ditemui oleh pengkaji semasa menjalankan kajian serta membuktikan benar atau tidak mengenai dakwaan-dakwaan atau teori-teori yang dikemukakan oleh beberapa orang pengkaji dahulu. Kenyataan-kenyataan atau nuraian-nuraian ini dinyatakan berdasarkan kepada penemuan-penemuan dan data-data serta maklumat-maklumat yang didapati oleh pengkaji.